



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) BAGI SUBJEK  
HIFZ AL-QURAN DALAM KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT) DI SEKOLAH  
MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR) DAERAH BATANG PADANG,  
PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DAYANGKU NUR AQILAH BINTI AWANGKU DRAHMAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

ptbupsi

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) BAGI SUBJEK HIFZ  
AL-QURAN DALAM KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT) DI SEKOLAH  
MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR)  
DAERAH BATANG PADANG, PERAK**

**DAYANGKU NUR AQILAH BINTI AWANGKU DRAHMAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
ISLAM (DENGAN KEPUJIAN)**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **30 Januari 2023**

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, **DAYANGKU NUR AQILAH BINTI AWANGKU DRAHMAN**, No Matrik **D20191089283**, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk: **PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) BAGI SUBJEK HIFZ AL-QURAN DALAM KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT) DI SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR) DAERAH BATANG PADANG, PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

*aqilah*

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya **PROF. MADYA DR. ZULFIQAR SHAH BINTI ABDUL HADI** dengan ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk **PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) BAGI SUBJEK HIFZ AL-QURAN DALAM KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT) DI SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR) DAERAH BATANG PADANG, PERAK** dihasilkan sepertimana di atas dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memperoleh sebahagian syarat memperolehi **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJUAN**.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan Pencipta Alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan para sahabat baginda serta pengikutnya. Syukur ke hadrat llahi kerana dengan izinNya pengkaji dapat menyiapkan kajian ini walaupun banyak halangan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi. Berkat kesabaran dan dorongan daripada pelbagai pihak akhirnya kajian ini dapat juga disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia saya, iaitu Prof Madya Dr. Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi atas segala bimbingan, panduan, dorongan, teguran serta bantuan yang diberikan sepanjang dalam proses untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga jutaan penghargaan buat pensyarah-pensyarah dan kakitangan di Jabatan Pengajian Islam, guru-guru dan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang,



Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada ayahanda tercinta Awangku Drahman bin Pengiran Matassan, ibunda yang disayangi Risah binti Japar yang sentiasa menjadi pembakar semangat sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan terima kasih juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, harapan saya agar penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat mendatangkan faedah, memberi manfaat dan menjadi rujukan kepada mana-mana pihak dan segala kekurangan adalah daripada diri saya sendiri. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran atas kebaikan anda semua.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), persepsi pelajar terhadap penilaian yang dilaksanakan dan keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 18 responden Tingkatan 4. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawaian. Dapatkan kajian menunjukkan secara keseluruhannya pelajar dinilai melalui empat kaedah iaitu ujian semasa tasmik ( $\text{min}=3.83$ ,  $\text{sp}=0.5990$ ), semakan pengekalan juzuk lama ( $\text{min}=3.50$ ,  $\text{sp}=0.666$ ) ujian bagi hafazan lama ( $\text{min}=3.30$ ,  $\text{sp}=0.347$ ) dan peperiksaan rasmi ( $\text{min}=3.60$ ,  $\text{sp}=0.569$ ) berada pada tahap sederhana tinggi. Persepsi pelajar terhadap pentaksiran dalam subjek hifz al-Quran yang dilaksanakan di sekolah juga berada pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min}=3.70$ ,  $\text{sp}=0.517$ ) dan tahap keberkesanan kaedah pentaksiran dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar juga berada pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min}=3.80$ ,  $\text{sp}=0.542$ ). Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan pencerahan kepada pihak sekolah, ibu bapa, KPM & KPT akan pentingnya pelaksanaan pentaksiran dan penilaian bagi subjek Hifz al-Quran secara berterusan ke atas pelajar tahfiz untuk melahirkan para huffaz yang berkualiti dan professional. Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini adalah mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu untuk mengkaji pelaksanaan pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi Subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak.





**IMPLEMENTATION OF SCHOOL-BASED ASSESSMENT (PBS) FOR THE  
SUBJECT HIFZ AL-QUR'AN IN TAHFIZ INTEGRATED CURRICULUM  
(KBT) AT TAHFIZ DARUL RIDZUAN SECONDARY SCHOOL (SMTDR)  
BATANG PADANG DISTRICT, PERAK**

**ABSTRACT**

This study aims to identify the implementation of School Based Assessment (PBS) for the subject Hifz al-Quran in the Tahfiz Integrated Curriculum (KBT), students' perceptions of the assessment implemented and the effectiveness of School Based Assessment (PBS) for the subject Hifz al-Quran in improving performance and student achievement at Tahfiz Darul Ridzuan Secondary School (SMTDR) in Batang Padang District, Perak. The design of this study uses a survey method. The study sample consisted of 18 Form 4 respondents. The data was analyzed using descriptive statistics such as frequency, percentage, mean, and standard deviation. The findings of the study showed that overall students were evaluated through four methods, namely the current tasmic test ( $\text{mean}=3.83$ ,  $\text{sp}=0.5990$ ), the retention check of old constituents ( $\text{min}=3.50$ ,  $\text{sp}=0.666$ ) the test for old memorization ( $\text{min}=3.30$ ,  $\text{sp}=0.347$ ) and the official exam ( $\text{min}=3.60$ ,  $\text{sp}=0.569$ ) were at a moderately high level. The students' perception of the assessment in the hifz al-Quran subject implemented at school is also at a moderately high level ( $\text{mean}=3.70$ ,  $\text{sp}=0.517$ ) and the level of effectiveness of the assessment method in improving student performance and achievement is also at a moderately high level ( $\text{mean}=3.80$ ,  $\text{sp}=0.542$ ). The implications of this study are expected to enlighten the schools, parents, KPM & KPT on the importance of continuous assessment and evaluation for the subject of Hifz al-Quran on tahfiz students to produce quality and professional huffaz. In conclusion, this study is to achieve the objective that has been set, which is to study the implementation of School-Based Assessment (PBS) for the Subject of Hifz al-Quran in the Tahfiz Integrated Curriculum (KBT) among students at Darul Ridzuan Tahfiz Secondary School (SMTDR) in Batang Padang District, Perak.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
PERAKUAN PELAJAR	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v-ix
SENARAI JADUAL	x-xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv



## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Kerangka Teori Kajian	7
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Operasi Kajian	10





1.10.1	Pelaksanaan	11
1.10.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	11
1.10.3	Subjek Hifz al-Quran	11
1.9.4	Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)	11
1.11	Sistematika Penulisan	12
1.12	Kesimpulan	13

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Perkembangan Pendidikan Tahfiz di Malaysia	15
2.3	Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	16
2.3.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam Pendidikan Tahfiz bagi subjek Hifz al-Quran	18
2.3.2	Hubungan Antara Pentaksiran dan Penilaian	22
2.4	Tujuan dan Kepentingan Pentaksiran dan Penilaian	22
2.5	Bentuk Pentaksiran bagi subjek hifz al-Quran	23
2.5.2	Pentaksiran Berbentuk Sumatif	24
2.5.2	Pentaksiran Berbentuk Formatif	27
2.6	Kajian Lepas	28
2.7	Kesimpulan	30



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Kaedah Penyelidikan	33
	3.3.1 Kaedah Kualitatif	34
	3.3.2 Kaedah Kuantitatif	34
3.4	Metode Pengumpulan Data	35
	3.4.1 Instrumen	36
3.5	Lokasi Kajian	41
	3.5.1 Populasi dan Sampel Kajian	42
3.6	Metode menganalisis data	43
	3.6.1 Analisis Data Kuantitatif	43
3.7	Kesimpulan	44

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	46
4.2	Profil Demografi Kajian	47
	4.2.1 Profil Pelajar	47
4.3	Analisis Kaedah Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi Subjek Hifz al-Quran yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang, perak	51
	4.3.1 Semasa Tasmik	51
	4.3.2 Selepas Habis Juzuk	54
	4.3.3 Hafazan Lama	57





	4.3.4 Peperiksaan Rasmi	59
4.4	Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Penilaian dalam Subjek Hifz al-Quran yang dilaksanakan di sekolah	61
4.5	Analisis Keberkesanan Kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi Subjek Hifz al-Quran dalam Meningkatkan Prestasi dan Pencapaian pelajar	65
4.6	Dapatan Kajian Berdasarkan Kualitatif	70
4.7	Kesimpulan	74

## BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	75
5.2	Ringkasan Kajian	76
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	77
	5.3.1 Profil Responden	78
	5.3.2 Kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi Subjek Hifz al-Quran	80
	5.3.3 Persepsi pelajar terhadap penilaian dalam subjek hifz al-Quran yang dilaksanakan di sekolah	82
	5.3.4 Keberkesanan kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek hifz al-Quran dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar	83
5.4	Implikasi Kajian dan Cadangan Dapatan Kajian	84
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.6	Kesimpulan	90





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ix

## RUJUKAN

92



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
Jadual 3.1 Skala Likert Lima mata dan Interpretasi dalam Semua Komponen Penilaian	37
Jadual 3.2 Instrumen Demografi Pelajar	38
Jadual 3.3 Instrumen Kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi Subjek Hifz al-Quran	38
Jadual 3.4 Instrumen persepsi pelajar terhadap penilaian dalam subjek hifz-al-Quran yang dilaksanakan di Sekolah	39
Jadual 3.5 Instrumen keberkesanan kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar di Sekolah	40
<b>Jadual 3.6 Interpretasi Skor Min</b>	<b>44</b>
Jadual 4.1 Profil Pelajar mengikut Tingkatan	47
Jadual 4.2 Profil Pelajar Mengikut Jantina	48
Jadual 4.3 Profil Pelajar Mengikut Ahli Keluarga Yang Hafiz al-Quran	48
Jadual 4.4 Profil Pelajar Mengikut Pengalaman Menghafaz al-Quran sebelum belajar di sekolah	49
Jadual 4.5 Profil Pelajar Mengikut Tahap Hafazan Terkini	49
Jadual 4.6 Profil Pelajar Mengikut Kemampuan Hafazan Dalam Seminggu	50
Jadual 4.7 Profil Pelajar Mengikut Jumlah Murajaah Harian Hafazan Lama	50
Jadual 4.8 Pelaksanaan Pentaksiran Subjek Hifz al-Quran semasa pelajar di Tasmik	51





Jadual 4.9	Pelaksanaan Pentaksiran Subjek Hifz al-Quran selepas pelajar Habis Juzuk	54
Jadual 4.10	Pelaksanaan Pentaksiran Subjek Hifz al-Quran Pelajar bagi Hafalan Lama	57
Jadual 4.11	Pelaksanaan Pentaksiran Subjek Hifz al-Quran bagi Peperiksaan Rasmi	59
Jadual 4.12	Persepsi Pelajar Terhadap Penilaian dalam Subjek Hifz al-Quran	61
Jadual 4.13	Keberkesanan PBS bagi subjek Hifz al-Quran	65





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kajian	7
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual kajian	8





## SENARAI SINGKATAN

PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SMTDR	Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PS	Pentaksiran Pusat
MTQN	Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
LP	Lembaga Peperiksaan
IPT	Institusi Pengajian Tinggi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Pelajar
- B Contoh Soalan Peperiksaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB I

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Umat Islam terkenal sebagai umat yang sentiasa peka dalam usaha memelihara kesucian al-Quran. Usaha ini dilakukan dalam pelbagai bentuk termasuklah melalui penghafazan al-Quran. Bahkan, Allah s.w.t meninggikan martabat orang yang menghafaz al-Quran dengan memberikan gelaran mulia seperti pewaris al-Quran dalam kalangan orang yang terpilih untuk memelihara al-Quran. Buktinya, pendekatan yang menggunakan kaedah hafazan ini ditunjukkan oleh Jibril a.s semasa mengajarkan Nabi Muhammad s.a.w semasa penurunan ayat al-Quran. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Ala ayat 6 iaitu:

سَنُقْرِنُكَ فَلَا تَنْسَى

Maksudnya: Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa.





Pendidikan tahfiz merupakan pendidikan awal dalam sistem pendidikan Islam yang dianjurkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Bukan itu sahaja, hafazan juga menjadi salah satu kaedah pengajaran yang digunakan oleh Rasulullah SAW untuk mengajarkan al-Quran kepada para sahabatnya (Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri & Misnan Jemali, 2013). Justeru itu, untuk mengekalkan kualiti hafazan al-Quran, perlunya ada kaedah pembelajaran dan kaedah penilaian yang berkesan. Menurut al-Qabisi (1955) menyatakan bahawa aspek penilaian yang ditekankan meliputi penilaian harian, mingguan dan penilaian akhir. Hal ini dikatakan sedemikian kerana penilaian merupakan unsur penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan pencapaian kualiti hafazan.

Pentaksiran hafazan al-Quran juga merupakan komponen penting dalam pendidikan. Hal ini kerana ia memberi maklumat mengenai perkembangan dan menilai kebolehan murid dalam membaca, menulis dan menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih mengikut hukum tajwid yang dipelajari. Oleh yang demikian, kemahiran guru tahfiz dalam melaksanakan pentaksiran amat membantu dalam mengenal pasti tahap kecerdasan dan perkembangan pelajar.

Dalam konteks pendidikan sekolah menengah tahfiz aspek penilaian juga tidak terkecuali. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pendidikan tahfiz al-Quran merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu untuk membaca, menghafaz dan memahami al-Quran. Malah, penghasilan huffaz yang cemerlang serta bersahsiah mulia, mampu mengangkat nama dan martabat sesebuah institusi pendidikan tahfiz (Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Nor Hafizi Yusof, 2017).

Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam pendidikan tahfiz yang mempunyai aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi melahirkan para huffaz yang cemerlang dan profesional untuk menjadi tunjang kepada kelestarian Islam.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Institusi tahfiz merupakan tempat yang mengkhususkan individu yang ingin menghafaz al-Quran secara keseluruhan. Individu yang mengkhatamkan al-Quran dengan menghafaz keseluruhan daripada ayat-ayat al-Quran yang terkandung dikenali sebagai al-Hafiz atau al-Hafizah. Di samping itu, individu yang sedang menghafaz al-Quran di institusi tahfiz dikenali sebagai pelajar tahfiz. Sistem pembelajaran dan penilaian hafazan yang dilaksanakan di institusi tahfiz adalah berasaskan kepada tahap pencapaian pelajar dalam menghafaz al-Quran. Walaupun begitu, pelajar tahfiz diwajibkan menghabiskan silibus muqarrar hafazan sebagai persediaan menduduki peperiksaan serta meneruskan pengajian ke semester yang seterusnya. Kekuatan hafazan akan dinilai melalui ujian syafawi dan tahriri yang merupakan hasil akhir dalam pembelajaran subjek hifz al-Quran.

Selaras dengan transformasi pendidikan negara, proses pentaksiran juga turut berubah pdari bentuk pengujian kepada pentaksiran berterusan. Menurut Yates dan Johnston (2018), menyatakan bahawa pendekatan peperiksaan adalah kurang sesuai untuk diamalkan untuk murid-murid pada zaman ini memandangkan setiap murid mempunyai potensi dan kebolehan yang berbeza. Justeru itu, sistem pentaksiran alternatif telah diperkenalkan. Sistem alternatif ini merupakan sistem pentaksiran yang baharu yang dilaksanakan di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahkan, proses pentaksiran ini dilaksanakan secara menyeluruh semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Kemudian, pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) pula merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan golongan professional hafiz yang berdaya kepimpinan mantap dan seimbang dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 yang mencabar (Dr. Norazman Alias, 2020). Hal ini kerana Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ialah sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).





Pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran ini adalah wajar kerana Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini termasuk dalam Kurikulum Kebangsaan. Melalui Kurikulum ini juga, pelajar ini akan mempelajari subjek aliran biasa, sains dan agama dan didedahkan dengan kepelbagaiannya pentaksiran sekolah pada masa kini untuk menilai kefahaman, kebolehan dan kemahiran pelajar melalui aras soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Namun, pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran ini terhadap pelajar yang belajar subjek ini akan memberi kesan positif atau negatif terhadap pelajar tersebut. Menurut Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jimaa'in Safar (2020) menyatakan bahawa tanggungjawab menghafaz itu terletak pada pelajar itu sendiri.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Transformasi pendidikan yang dilaksanakan bermula tahun 2010 memberi penekanan kepada penilaian pelajar yang lebih holistik meliputi aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Menerusi sistem ini, penilaian hafazan dibuat secara berterusan menggunakan konsep formatif dan sumatif serta merujuk kepada pentaksiran standard yang boleh memberi impak besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru, seterusnya menimbulkan pelbagai rungutan. Oleh itu, guru sebagai pelaksanaan penilaian dan pentaksiran terhadap pelajar perlu benar-benar jelas, faham dan akur dengan kandungan, matlamat dan prosedur pelaksanaan pentaksiran tersebut.

Kajian sebelum ini menunjukkan terdapat beberapa isu dalam kaedah pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) iaitu ketidaksguguhan guru dalam melaksanakan pentaksiran. Menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang (2019) mendapati pemantauan guru semasa pelaksanaan aktiviti tahriri (latihan menulis) dan bimbingan guru semasa aktiviti tadir (persediaan hafazan) didapati agak longgar. Buktinya, situasi ini memberi





gambaran bahawa pelaksanaan aktiviti tahriri dan tahdir dilihat mengalami masalah kurang penekanan daripada guru (Siti Khadizah Kaimin & Ahmad Yussuf, 2021). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ketidaksungguhan guru dalam melaksanakan pentaksiran boleh menjelaskan prestasi pelajar dan menyebabkan pelajar kekurangan dorongan untuk berusaha dengan lebih baik untuk pentaksiran yang seterusnya.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohammad Azahar (2006), mendapati bahawa tempoh masa pengajaran yang terlalu pendek sehingga guru tidak sempat menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam kelas. Hal ini juga disokong oleh Siti Nurjanah Mastor, Siti Aisyah Johan dan Jimaa'in Safar (2021) mendapati jika masa yang diperuntukkan untuk sesebuah kelas hafazan adalah singkat, ianya agak terhad untuk pelaksanaan setiap aktiviti dalam hafazan. Keadaan ini juga menyebabkan pelajar tidak dapat menghabiskan hafalan al-Quran kerana tempoh masa yang diberikan terlalu pendek. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa subjek hifz al-Quran ini berbeza dengan subjek mata pelajaran yang lain kerana aktiviti semasa sesi pembelajaran adalah secara talaqqi dan musyafahah antara guru dan pelajar.



Menurut Siti Norjanah Mastor Mustafa (2020), terdapat keciciran hafazan murid yang terkumpul pada setiap tahun pengajian menyebabkan murid tersebut gagal menghabiskan sukanan hafazan sebanyak 30 juzuk sepanjang pengajian selama lima tahun di sekolah menengah. Buktinya, perkara ini jelas apabila adanya murid tingkatan tiga yang belum menguasai hafazan berdasarkan sukanan yang ditetapkan di juzuk 9-18 memasuki tingkatan empat yang perlu menghafaz di juzuk 19-25 sebagaimana yang termaktub dalam sukanan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Hal ini juga disokong oleh Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhammad Isa, dan Rosma Osman (2016) mendapati bahawa pencapaian pelajar pada masa kini masih berada pada tahap yang rendah kerana jumlah peratusan yang tidak dapat menamatkan kandungan atau sukanan hafazan yang telah ditetapkan masih tinggi. Oleh itu, jelaslah bahawa keciciran hafazan murid yang terkumpul pada setiap tahun pengajian menyebabkan murid tersebut gagal menghabiskan sukanan hafazan sebanyak 30 juzuk sepanjang pengajian selama lima tahun di sekolah menengah.





Menurut kajian yang dijalankan oleh Noor Fadilah Ambo dan Siti Eishah Mokhsein (2019) mendapati tidak ada instrumen khusus bagi mengukur strategi pembelajaran tahlif yang standard dalam konteks Malaysia yang dibina untuk mengukur strategi menghafaz iaitu boleh mengukur strategi menghafaz yang merangkumi strategi kognitif, metakognitif dan afektif pelajar. Perkara ini membuktikan bahawa instrumen strategi pembelajaran yang digunakan guru agak lama dan tidak diperbaharui dari semasa ke semasa dan tidak besesuaian dengan masa kini untuk menilai pelajar.

Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan mengkaji mengenai kaedah pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahlif (KBT) di sekolah Menengah Tahlif Darul Ridzuan (SMTDR) Batang Padang, Perak.

#### **1.4 Objektif kajian**

Antara objektif kajian ialah :



- i. Mengenal pasti kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang digunakan oleh guru bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahlif (KBT) di Sekolah Menengah Tahlif Darul Ridzuan Daerah Batang Padang, Perak
- ii. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penilaian dalam subjek Hifz al-Quran yang dilaksanakan di sekolah tersebut
- iii. Menganalisis keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar bagi subjek Hifz Al-Quran di sekolah tersebut

#### **1.5 Persoalan kajian**


1. Apakah kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) subjek Hifz Al-Quran di Sekolah Menengah Tahlif Darul Ridzuan Daerah Batang Padang, Perak?



2. Apakah persepsi pelajar terhadap penilaian subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dilaksanakan di sekolah tersebut?
3. Sejauh manakah keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar dalam subjek Hifz al-Quran?

## 1.6 Kerangka Teori Kajian


Secara asasnya, kajian ini berpaksikan kepada pelaksanaan pentaksiran yang berperanan penting dalam bidang pengajaran. Pentaksiran ini bukan sahaja menunjukkan apa yang pelajar telah pelajari tetapi juga menyediakan maklumat penting tentang keberkesanan sesuatu pelajaran, unit, atau kurikulum. Semua penilaian mestilah boleh dipercayai dan sah. Soalan atau aktiviti yang digunakan dalam sesuatu penilaian mestilah berkaitan dengan isi kandungan yang telah diajar. Penilaian bilik darjah boleh menjadi diagnostik, formatif atau sumatif. Gambaran pelaksanaan pentaksiran ini dapat diterangkan melalui



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian memfokuskan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak. Gambaran konseptual dapat diterangkan melalui rangka konseptual dalam jadual 1.2 di bawah:



## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam setiap bidang semestinya mempunyai kepentingan yang tersendiri. Secara umumnya, kajian mengenai pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) bagi subjek Hifz Al-Quran yang digunakan oleh murid masih kurang dilaksanakan di Malaysia. Pelaksanaan kajian ini sedikit sebanyak mampu menambah kajian berkaitan isu ini dan seterusnya memberikan



sumber maklumat baharu. Maklumat daripada hasil kajian ini boleh dirujuk oleh pihak berkepentingan seperti bakal guru yang mengajar opsyen ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahupun penyelidik akan datang.

Kajian ini mampu memberi maklumat dan gambaran yang jelas kepada bakal guru pendidikan tafhib berkenaan kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), aspek pengetahuan serta keberkesanan sistem pentaksiran tersebut. Perkara ini juga secara tidak langsung mampu memberi kesedaran kepada guru-guru ini tentang pentingnya merancang sistem pentaksiran yang sistematik bagi menghasilkan pentaksiran yang berkesan dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, ianya juga mampu menjadi panduan kepada mereka untuk meningkatkan tahap pengetahuan mengenai pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini.

Selain itu melalui kajian ini juga, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mampu mendapatkan maklumat baharu berkenaan tahap pengetahuan guru dan keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini. Perkara ini dapat membantu pihak KPM untuk membuat perancangan dengan lebih teratur dalam menyediakan pelaksanaan kaedah pentaksiran yang berkesan, membuat bengkel dan taklimat berkenaan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini kerana terdapat segelintir guru yang kurang memahami mengenai pelaksanaan pentaksiran ini. Justeru itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga boleh mengambil beberapa inisiatif lain yang lebih baik untuk meningkatkan kaedah pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini.

Kajian ini mampu menambah koleksi kajian dalam bidang pendidikan tafhib. Perkara ini mampu memberi gambaran kepada penyelidik akan datang berkaitan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini. Melalui kajian yang berterusan, ianya mampu melihat perubahan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran ini dengan lebih berkesan dalam kalangan pelajar dari semasa ke semasa terutamanya



selepas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan beberapa inisiatif bagi mengatasi isu ini.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak yang melibatkan pelajar dan guru di sana. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Tingkatan 4 yang berada di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang, Perak seramai 18 orang pelajar. Pemilihan pelajar ini sebagai responden kerana pelajar ini sudah mengikuti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) ini selama 4 tahun jadi pengkaji dapat melihat bagaimana penerimaan pelajar ini terhadap pentaksiran ini. Pengkaji menjadikan pelajar ini yang terdiri daripada pelajar perempuan.

Kemudian, pengkaji juga menjalankan kajian ke atas guru-guru di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang, Perak yang mengajar subjek Hifz al-Quran ini. Pengkaji menemu ramah guru berkaitan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) tersebut. Hal ini kerana, untuk mendapatkan dapatan yang lebih kukuh, jadi kajian juga dijalankan ke atas guru-guru.

## 1.10 Definisi Operasi kajian

Bagi mendapatkan kefahaman yang jelas, pengkaji telah mendefinisikan tajuk kajian ini. Tajuk kajian ini adalah berkaitan dengan **“Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Subjek Hifz Al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang Perak.”**

### 1.10.1 Pelaksanaan

Pelaksanaan dalam Kamus Dewan (1994) ialah bermaksud hasil daripada melaksanakan, mengerjakan atau menyelesaikan sesuatu rancangan atau tugas. Menurut Nurdin Usman



(2002) pula, pelaksanaan itu merupakan suatu tindakan terhasil daripada sesebuah perancangan yang telah disusun secara terperinci. Titik permulaan bagi pelaksanaan ini adalah melalui tindakan yang dijalankan atau mekanisme bagi suatu sistem yang menunjukkan tindakan itu terhasil daripada perancangan yang telah dibina dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh mengikut norma yang tertentu bagi mencapai tujuan perancangan tersebut.

Dalam kajian ini, pelaksanaan bermaksud perjalanan pengurusan PBS yang dilaksanakan oleh pegawai pelaksana yang terdiri daripada guru-guru.

### **1.10.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah**

Menurut Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011) menyatakan bahawa PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS akan dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **1.10.3 Subjek Hifz Al-Quran**

Hifz al-Quran ialah mata pelajaran yang mengkehendaki murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah di bawah bimbingan guru tahfiz menurut sukatan tertentu pada setiap tahun. Setiap tahun murid dikehendaki menghabiskan sukatan atau muqarrar yang telah ditetapkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016)

### **1.10.4 Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)**

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) menyatakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah kurikulum yang digubal berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan agama yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) menggabungkan dua





komponen mata pelajaran tafsir al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

## 1.11 Sistematika Penulisan

Penulisan kajian ini terdiri daripada lima bab dan setiap bab terdiri dari sub-sub pembahasan dengan sistematika penulisan seperti berikut:

1. Bab pertama adalah mengenai pendahuluan yang didatangkan dengan latar belakang, pernyataan masalah secara ringkas, objektif, persoalan kajian kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi istilah, kerangka teori dan kerangka konseptual, sistematika penulisan dan akhir sekali kesimpulan.
2. Bab kedua menghuraikan tentang landasan teori dan konsep-konsep yang relevan dengan permasalahan yang dikaji serta mengemukakan pemecahan masalah yang pernah dilakukan dan dikaji dalam penulisan ini.
3. Bab ketiga dalam kajian ini akan membincangkan tentang metode penulisan yang digunakan, seperti teknik pengumpulan data, analisis data dan informasi.
4. Bab keempat adalah hasil kajian dari masalah yang dibahas. Dalam bab ini mengemukakan pendapat dan idea yang sesuai dengan rumusan masalah dan tujuan yang berlandaskan pada maklumat-maklumat serta teori yang ada.
5. Bab kelima adalah bahagian akhir, iaitu penutup bagi penulisan kajian ini.

Dalam bab ini menjelaskan keseluruhan daripada penulisan kajian yang ditulis sekaligus menjawab permasalahan yang dibincangkan.





## 1.12 Kesimpulan

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak terhadap pencapaian prestasi pelajar.

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan secara umum berkaitan keseluruhan kajian. Antara perkara yang terkandung di dalam bab ini adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian. Selain itu, definisi konseptual berkaitan tajuk kajian turut diuraikan bagi memudahkan pembaca memahami kajian ini. Walau bagaimanapun, penerangan dan huraian secara terperinci berkaitan kajian kaedah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi subjek Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak ini terkandung dalam bab-bab seterusnya.

